

# Larangan Penggunaan DADAH Berbahaya!

Ketidakhadiran kerja, keganasan, penglibatan jenayah dan produktiviti rendah adalah antara kesan daripada penyalahgunaan dadah.

Kerajaan memandang serius isu penyalahgunaan dan penagihan dadah dalam kalangan penjawat awam kerana kesannya yang merugikan rakyat dan negara.

**Tindakan TATATERTIB** akan dikenakan Kerajaan sekiranya pegawainya seorang penagih dadah atau menggunakan atau mengambil selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.



## LARANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Rujukan: Peraturan 6 - Akta Badan-Badan Berkanun  
(Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]

"Seseorang pegawai boleh dikenakan tindakan TATATERTIB dengan tujuan buang kerja atau ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam jika diperakui menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya"

